



## SIARAN MEDIA

### KAMPUNG PENDAM, SADONG JAYA DIPILIH SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT JPPM 2026

---

**PUTRAJAYA, 30 April** – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah memilih Kampung Pendam, Sadong Jaya, Sarawak sebagai Kampung Angkat MADANI (KAM) bagi tahun 2026 dalam usaha memperkukuh pembangunan komuniti secara inklusif dan berimpak tinggi. Pemilihan ini adalah hasil penelitian bersama Kementerian Kewangan bagi memastikan pelaksanaan program tidak bertindih dengan inisiatif Kampung Angkat MADANI sedia ada di bawah kementerian atau agensi lain.

Ketua Pengarah JPPM, YBhg. Dato' Mohd Zulfikar bin Ahmad berkata, pemilihan Kampung Pendam mencerminkan komitmen jabatan dalam memastikan setiap inisiatif pembangunan komuniti dilaksanakan secara tersusun, berfokus dan memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat setempat. "Pelaksanaan Kampung Angkat MADANI ini bukan sahaja menumpukan kepada pembangunan fizikal, tetapi turut merangkumi aspek kesejahteraan sosial, pengukuhan komuniti serta pemerksaan ekonomi setempat melalui pendekatan kolaboratif bersama pelbagai pihak," katanya.

Seiring dengan pelaksanaan KAM, Sekolah Kebangsaan (SK) Pendam turut dipilih sebagai Sekolah Angkat MADANI (SAM) JPPM bagi tahun 2026, selari dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa institusi pendidikan sebagai pemangkin pembangunan komuniti melalui tumpuan kepada infrastruktur kecil, kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah murid.

Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI JPPM 2026 dijangka akan disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri di Kampung Pendam pada tarikh yang akan ditentukan kelak. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan JPPM dalam menyokong agenda pembangunan MADANI secara kolaboratif ke arah memperkasa kesejahteraan komuniti secara holistik dan berdaya tahan.

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
30 APRIL 2026**

**-TAMAT-**